



Title : Faktor Globalisasi Dalam Aktivisme Siber (*Cyber Activism*) Pro-Demokrasi: Kajian Kes Gerakan Pro-Demokrasi Thailand

Author(s) : *Durrah binti Abd Malek*

Institution : *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

Category : Article, Competition

Topics : Politics

**FAKTOR GLOBALISASI DALAM AKTIVISME SIBER (*CYBER ACTIVISM*)  
PRO-DEMOKRASI: KAJIAN KES GERAKAN PRO-DEMOKRASI  
THAILAND\***

***Durrah binti Abd Malek***

*Pelajar Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dan Kemanusiaan Dengan Kepujian (Sains Politik),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Malaysia;  
Pegawai Penyelidikan dan Analitik, Malaysian Youth Local Council (MYLC).*

---

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan peningkatan penggunaan aktivisme siber (*cyber activism*) dan aktivisme tanda pagar (*hashtag activism*) dalam gerakan pro-demokrasi di Thailand bermula tahun 2014 dan mencapai klimaks semasa tunjuk perasaan massa pada Julai 2020. Faktor globalisasi dan keterhubungan dunia moden melalui penggunaan Internet telah menjadi pendorong kepada mobilisasi anak muda, golongan akademik dan rakyat biasa untuk menolak kerajaan yang tidak demokratik, selain turut menjadi pembakar semangat apabila aktivis-aktivis serantau dapat berhubung dan menyokong satu sama lain. Artikel akan melihat kepada indikator ini dalam mempengaruhi tuntutan untuk proses pilihan raya yang telus dan adil, dan serba sedikit melihat juga kepada institusi semasa di Thailand yang menjadi penghalang kepada proses ini.

**Kata Kunci:** *cyber activism, hashtag activism, democratization, civil-military relations, civil society, globalization, pro-democracy movements.*

---

\*Artikel ini adalah gabungan sebahagian daripada tugas penulis bagi subjek Analisis Pilihan Raya dan Metodologi Penyelidikan. Ia telah diubah suai serta ditambah baik.

## 1.0 PENGENALAN

Artikel ini akan membincangkan faktor globalisasi dalam menggerakkan politik domestik di Thailand melalui masyarakat sivil, dengan fokus utama kepada gerakan pro-demokrasi yang menggunakan Internet sebagai wadah perbincangan dan ‘medium’ mobilisasi. Terlebih dahulu, perbincangan akan melihat kepada pendefinisian globalisasi yang akan digunakan di dalam artikel ini untuk meletakkan skop kepada penggunaanya di dalam perbincangan, diikuti dengan sorotan kajian untuk melihat *status quo* hubungan semasa masyarakat sivil dengan institusi ketenteraan di Thailand yang kemudiannya menjadi pendorong kepada penggunaan aktivisme siber.

Fenomena globalisasi dalam gelanggang politik, ekonomi dan sosial sudah menjadi satu topik kajian yang dibincangkan sejak tahun pertengahan 90-an apabila modenisasi mula menyentuh setiap pelusuk dunia. Persoalan mengenai bagaimana globalisasi berperanan mempengaruhi politik domestik terutamanya, merupakan perbincangan yang hangat didebatkan. Banyak sarjana mendebatkan tentang implikasi globalisasi, sama ada positif dan negatif, terhadap polisi-polisi luar dan domestik sesebuah negara serta pentadbiran sesebuah negara. Hal ini jelas telah membawa kepada perbincangan mengenai pengaruh globalisasi terhadap proses pendemokrasian di dalam sesebuah negara. Pada era di mana banyak demokrasi yang masih dalam tahap yang dianggap *transitional stage* (dalam proses menjadi demokrasi sempurna) dan juga demokrasi-demokrasi baharu, bagaimana globalisasi mempengaruhi proses tersebut serta pilihan raya di negara-negara ini merupakan satu perbincangan yang menarik.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) mendefinisikan ‘globalisasi’ sebagai proses yang membolehkan sesuatu aktiviti (ekonomi, kebudayaan dll.) disebarluaskan ke peringkat antarabangsa atau ke seluruh dunia, terutamanya dengan adanya sistem komunikasi dasar terbuka. Dalam erti *layman*, globalisasi membawa maksud perkongsian dari pelbagai aspek pada peringkat transnasional dengan berlakunya pengeksportan dan pengimportan budaya, sistem ekonomi, ideologi, nilai-nilai dan lain-lain.

Melihat terma ini dari sudut akademik, sebuah kajian oleh Kriesi et al (2006: 921) mendefinisikan globalisasi dalam konteks kontemporer dengan menyatakan globalisasi sebagai:

*“...In a Rokkanian perspective, the contemporary process of ‘globalization’ or ‘denationalization’ can be conceived of as a new ‘critical juncture’, which is likely to result in the formation of new structural cleavages, both within and between national contexts. It leads to the lowering and ‘unbundling’ of national boundaries to a so far unknown extent...”*

Barber (2000: 275-276) meletakkan definisi demokrasi dan pendemokrasian dalam konteks globalisasi dengan mengaitkannya dengan kapitalisme. Beliau berhujah bahawa ekonomi kapitalisme dan pasaran bebas memudahkan urusan transnasional bagi ekonomi namun proses pendemokrasian dan gerakan politik global yang demokratik tidak mempunyai kehebatan yang sama dengan globalisasi ekonomi. Alasannya adalah kerana wujud konsep kedaulatan bagi setiap negara, maka dengan itu, ia meletakkan had kepada pengaruh globalisasi. Cerny (1999: 4-5) pula menyatakan bahawa terma globalisasi itu sendiri adalah konsep yang masih boleh didebatkan ertinya dalam konteks politik, kerana definisi globalisasi yang dibawa oleh golongan liberal dan Marxist antarabangsa - kaitan pasaran dengan proses globalisasi dan demokrasi juga disanggah oleh golongan-golongan sarjana dari sekolah pemikiran lain dengan ada yang menolak terma itu. Sebaliknya terma *internationalization* dikatakan lebih tepat menggambarkan fenomena ini.

Globalisasi secara amnya boleh dikaitkan sebagai proses ekonomi, namun di dalam konteks politik, globalisasi dilihat boleh mempengaruhi pergerakan politik domestik sesebuah negara, terutama semasa era Internet ini. Jelas di sini bahawa bukan sahaja definisi globalisasi itu sendiri menjadi satu titik perbincangan yang mendalam, namun apa yang dimaksudkan dengan kaitan globalisasi dengan demokrasi serta sifat-sifatnya termasuklah pendemokrasian masih boleh dibincangkan. Dalam dunia akademik, globalisasi masih lagi konsep yang mempunyai pelbagai pendapat. Definisi-definisi yang telah dibincangkan di atas hanya memberikan ruang untuk memahami dan mengenal pasti beberapa tiang asas pandangan klasik mengenai

globalisasi iaitu pasaran bebas, konteks transnasional dan perubahan struktur domestik dan antarabangsa.

Namun, penulis akan mengambil definisi Kriesi et al (2006) yang berdasarkan teori *cleavage* atau kumpulan di dalam masyarakat mengikut pandangan Rokkan. Ia menetapkan bahawa globalisasi adalah proses denasionalisasi (*denationalization*) yang melihat masalah atau kemelut politik domestik sebagai isu yang bukan lagi terhad kepada batasan geografi sesebuah negara. Isu-isu tersebut kini boleh mendapat perhatian, sokongan dan dokongan pihak luar dan menjadi ‘*critical juncture*’ yang boleh mempengaruhi politik domestik sesetengah pemimpin demi keabsahan komuniti antarabangsa. Ia juga membawa kepada kewujudan *cleavages* baharu yang mendominasi masyarakat sivil, terutamanya dalam politik. Proses globalisasi ini atau ‘*unbundling of national boundaries*’ ini secara hipotesis membawa kepada perkongsian permasalahan politik domestik serta tekanan untuk penyelesaiannya ke peringkat antarabangsa, terutamanya bagi aktivis pro-demokrasi yang kini saling terhubung di dalam rantau yang sama (Cth: *Milk Tea Alliance*).

Perkembangan ini telah menghasilkan satu *cleavage* iaitu aktivisme siber yang kini merupakan satu komuniti aktivisme baharu yang mendominasi landskap politik negara-negara seperti Thailand dan Myanmar, dan menghasilkan satu generasi kumpulan *anti-establishment* yang terasing dari struktur gerakan aktivisme terdahulu. Faktor kebangkitan *cleavage* ini dalam masyarakat sivil akan diuraikan dalam bahagian lain di dalam artikel ini. Secara mudahnya, aktivisme siber adalah satu struktur baharu dalam perjuangan pro-demokrasi di Thailand yang turut didorong dan dibantu oleh faktor globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

## **2.0 SEJARAH HUBUNGAN INSTITUSI TENTERA & INSTITUSI MONARKI DI THAILAND**

Antagonisme hubungan masyarakat sivil-tentera di Thailand bukanlah satu perkara yang baharu dan boleh dirujuk semula kepada sejarah politik negara tersebut. Kerajaan pilihan rakyat atau *civilian government* wujud di Thailand setelah berlakunya revolusi pada 1932, diikuti kudeta pada tahun 1933 untuk menamatkan

monarki mutlak. Namun, seperti yang dinyatakan Baker (2016), tamatnya pemerintahan mutlak di Thailand tidak membawa bersamanya perubahan radikal dari segi budaya politik dan penghapusan institusi diraja. Meletakkan monarki, tentera dan birokrat sebagai tiga tiang utama masyarakat Thailand, Baker (2016) menyatakan ketiga-tiga entiti ini akan sentiasa bekerjasama untuk kepentingan masing-masing dan saling melindungi. Baker mengaitkan pengalaman Thailand yang unik ini adalah kerana negara tersebut tidak pernah mengalami kolonisasi langsung, oleh itu walaupun berlaku perubahan terhadap sistem politik, ia tidak mengubah asas politik Thailand iaitu tiga tiang utama yang dinyatakan tadi. Institusi monarki, hingga ke hari ini, dianggap sebagai institusi yang penuh moral dan bebas korupsi (pada pendapat awam) berbanding ahli politik, oleh itu mana-mana pihak yang meletakkan dirinya selari dengan monarki akan mendapat keabsahan.

Keterhubungan dan kebergantungan ketiga-tiga pihak ini antara satu sama lain telah membawa kepada *parallel state* yang dikatakan wujud seiring dengan kerajaan pilihan rakyat dalam satu neksus yang ditermakan ‘*network monarchy*’ (McCargo 2005) atau ‘*monarchised military*’ (Chambers & Waitoolekiet 2016) yang akan dibincangkan sedikit di sini. Situasi politik yang unik di Thailand ini dilihat sebagai salah satu batu penghalang terbesar kepada usaha ke arah pendemokrasian penuh dan demokrasi sempurna di negara tersebut. Terlebih dahulu, kewujudan institusi ketenteraan yang kuat seperti di Thailand boleh dilihat sebagai penghalang usaha ke arah pendemokrasian dan kuasa rakyat. Mengambi terma Chambers & Waitoolekiet (2016), mereka menekankan bahawa kajian sering cuba memahami mengapa institusi ketenteraan kerap campur tangan di dalam politik tetapi tidak cuba memahami bagaimana keterhubungan institusi ketenteraan dengan institusi monarki memberikan keabsahan dan kuasa kepada institusi ketenteraan Thailand untuk terlibat di dalam politik Thailand dan menidakkannya demokrasi.

Chambers & Waitoolekiet (2016) menyatakan bahawa *monarchised military* di Thailand boleh difahami dalam konteks kewujudannya sebagai negara selari (*parallel state*) seperti yang dinyatakan di atas. Konsep ini menyatakan bahawa institusi-institusi mempunyai hubungan organik dengan negara (*state*) dan institusi formal yang mempunyai autoriti. Walau bagaimanapun, institusi-institusi tersebut mempunyai kepentingan peribadi institusi masing-masing yang wujud di luar

lingkungan pemimpin masyarakat sivil dan pemimpin masyarakat sivil harus memenuhi permintaan atas dasar autonomi institusi tidak formal ini - di dalam konteks Thailand, institusi monarki. *Parallel state* ini beroperasi tanpa ketelusan dan tindakan tidak telus demi penyusunan kuasa menjadi satu kebiasaan. Teknik pencarasaran yang kabur ini telah bertahan, dan menjadi sebuah institusi yang kini mempunya struktur sosio-politik yang tidak rasmi. Struktur tersebut memerlukan satu lagi institusi untuk melengkapinya dan memperjuangkan kepentingannya secara maksimum. Kebiasannya, institusi yang dianggap “*experts of violence*” melengkapi kepentingan tersebut, dan institusi tersebut adalah institusi ketenteraan.

Neksus dua institusi ini mampu bertahan kerana kewujudan kerajaan awam (*civilian government*) yang rapuh dan transaksi antara pegawai atau ahli politik yang dilantik oleh rakyat dengan struktur kuasa tidak formal ini menjadi penentu kepada keseimbangan politik negara. *Parallel state* ini dapat dikaitkan dengan kewujudan hubungan penaung-dinaung, neo-patrimonialisme, personalisme seseorang figura dan pendemokrasian yang terhenti. Institusi tidak formal ini boleh mempunyai kuasa dan keabsahan yang diterima sebagai status quo apabila kewujudannya dikait rapat dengan identiti nasional dan pembentukan negara. Di Thailand, struktur institusi ketenteraan dan sejarahnya membuatkan institusi tersebut mengaitkan keberadaannya dengan tugas untuk mempertahankan kepentingan nasional. Institusi ketenteraan Thailand mendefinisikan tugasannya adalah untuk melindungi institusi monarki, dan sekaligus ini menghubungkan dua institusi tersebut, selain daripada undang-undang dan peruntukan perlombagaan yang mendorong kerjasama ini. Mendiang Jeneral Prem Tinsulanonda dianggap sebagai ‘penjaga’ kepada hubungan rapat institusi-institusi di dalam *parallel state* ini (Chambers & Waitoolkiat 2016).

### **3.0 HUBUNGAN MASYARAKAT SIVIL-TENTERA DI THAILAND PASCA-KUDETA 2014 DAN PERALIHAN KE ARAH AKTIVISME SIBER**

Kini, kita melihat kepada perkembangan semasa di Thailand bermula dari kudeta pada tahun 2014. Kudeta oleh institusi ketenteraan Thailand pada 22 Mei 2014 berlaku kerana ketidakstabilan politik di Thailand pasca-kudeta 2006 yang melihat institusi ketenteraan menghapuskan bekas Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra dari tumpuk kekuasannya. Krisis politik pasca-Thaksin yang tidak sepenuhnya selesai telah

membawa Thailand kepada polarisasi politik antara golongan populis di kawasan-kawasan luar bandar dan golongan elit dan kelas pertengahan di bandar-bandar besar seperti Bangkok. Ketidakstabilan tersebut semakin kritikal dengan beberapa isniden keganasan, antaranya tindakan seorang penyokong pro-kerajaan (Baju Merah) memasuki kem tunjuk perasaan anti-kerajaan (Baju Kuning) dan menembak mati tiga orang penunjuk perasaan (Shoichet 2014). Hal ini telah dijadikan justifikasi oleh pihak tentera pimpinan Jeneral Prayuth Chan-Ocha untuk terlibat dalam usaha untuk mencari penyelesaian antara dua kem politik tersebut, dan kemudiannya menjadi motivasi kepada pelancaran kudeta pada Mei 2014. Menurut Prayuth, ia adalah ‘untuk keselamatan awam dan keselamatan harta benda rakyat Thailand’ (BBC News 2014).

Sejak dari itu, Thailand dipimpin oleh kerajaan junta tentera dengan penggunaan undang-undang tentera ke atas negara tersebut bermula 20 Mei 2014 (Croissant & Lorenz 2018) dan tamat pada 20 Mac 2015 berikutan keputusan Majlis Keamanan dan Ketenteraman Nasional (NCPO) untuk menggantikan undang-undang tersebut dengan Seksyen 44 yang memberikan kuasa kepada pemimpin kerajaan junta untuk mengeluarkan apa-apa arahan ke atas apa-apa tindakan yang ia rasakan bermasalah tanpa mengira kesannya ke atas eksekutif, legislatif mahupun judisiari (Chambers 2020). Tindakan-tindakan ini telah melahirkan budaya ketakutan (*climate of fear*) dalam masyarakat civil di Thailand. Pasca-kudeta 2014, kerajaan junta Thailand menggunakan undang-undang autokratik dengan lebih agresif. Krisis politik Baju Merah-Baju Kuning di Thailand yang merupakan perebutan kuasa antara puak-puak politik dan perebutan siapa berhak memimpin Thailand tidak berkesudahan. Namun, ia telah memberi ruang kepada kudeta 2014 dan institusi ketenteraan tersebut kini banyak menutup ruang-ruang demokratik awam yang boleh digunakan rakyat untuk membincangkan pendapat politik mereka melalui penggunaan kuasa legislatif dan judisiari Thailand (Haberkorn 2015).

Sripokangkul (2015) menyatakan bahawa institusi ketenteraan sering berada dalam konflik dengan masyarakat civil kerana tiadanya keikhlasan dari institusi tersebut untuk benar-benar menghormati ketuanan rakyat (*civilian supremacy*). Kudeta 2014 dilihat sebagai satu lagi insiden di mana institusi tersebut kehilangan kepercayaan rakyat Thailand terhadapnya. Institusi ketenteraan Thailand di bawah Prayuth menyatakan minatnya untuk proses pendamaian dengan rakyat pasca-kudeta

2014, namun Sripokangkul berhujah bahawa proses tersebut hanya melalui kitaran yang sama yang pernah ia lakukan selepas setiap kudeta.

Merujuk kepada kudeta 2006, penutupan lapangan terbang antarabangsa 2008 dan insiden keganasan ke atas penyokong Baju Merah pada 2010 yang digerakkan oleh institusi tersebut, beliau berhujah bahawa tentera Thailand ingin rakyat melupakan kesemua itu dan ‘bermula semula’. Perdamaian di Thailand yang dilakukan oleh institusi ketenteraan sentiasa dilakukan dengan harapan rakyat akan ‘menutup mata’ terhadap tragedi-tragedi, keganasan dan praktis tidak demokratik institusi tersebut. Usaha kerajaan junta Prayuth untuk ‘mewujudkan demokrasi yang sempurna dan benar’ adalah langsung tidak boleh dipercayai memandangkan institusi itu memainkan peranan paling signifikan dalam mendakkan demokrasi. Hal ini disokong Chambers (2020) yang menyatakan tindakan kerajaan junta menggunakan Seksyen 6, 10, 28, 30 dan 32 dalam undang-undang Thailand yang memberikan imuniti ke atas institusi ketenteraan dan pengampunan automatik bagi semua tindakan yang dilakukan. Dalam erti kata lain, institusi ketenteraan tidak perlu menjawab kepada sistem keadilan bagi apa-apa tindakan mereka.

Jelas bahawa wujud perasaan tidak percaya yang tinggi di antara masyarakat civil dengan institusi ketenteraan di Thailand pasca-kudeta 2014. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan gerakan-gerakan masyarakat civil yang mencabar keabsahan kerajaan junta seperti *Resistant Citizen, Internet Dialogue on Law Reform (iLaw), New Democracy* dan *Thai Lawyers for Human Rights*. Organisasi-organisasi ini semakin vokal dalam penentangan mereka menolak kerajaan junta dan menggunakan organ legislatif dan judisiari untuk mencabar tindakan-tindakan kerajaan junta selain mewakili rakyat-rakyat yang ditahan atas undang-undang autokratik. Hal ini juga dilihat seiring dengan peningkatan mendadak penggunaan undang-undang autokratik seperti Artikel 112 (kesalahan mengkritik monarki) dan Artikel 116 (Akta Hasutan) ke atas masyarakat dengan sebanyak 10 kes menjelang 2014 berbanding empat kes bagi Artikel 116 dalam empat tahun kebelakang dan 51 kes menjelang 2014 berbanding kurang dari 20 dalam empat tahun kebelakang bagi Artikel 112 (Haberkorn 2015).

Penggunaan artikel-artikel ini serta tindakan kerajaan junta untuk mengharamkan perjumpaan politik lebih daripada lima orang dan kawalan ketat ke atas apa-apa tindakan yang menolak kerajaan di ruang-ruang awam telah mengubah trajektori perbincangan masyarakat sivil di Thailand berkenaan situasi politik semasa (Human Rights Watch 2014). Hal ini membawa kepada penggunaan ruang siber yang aktif oleh masyarakat sivil, aktivis-aktivis pro-demokrasi dan parti-parti anti-junta di Thailand. Melihat Internet sebagai satu-satunya ruang demokratik awam yang ada dan mudah diakses, ia telah melahirkan generasi baharu golongan penentang, terutama dalam kalangan muda-mudi Thailand. Laungaramsri (2016) turut menyatakan bahawa institusi ketenteraan menyedari bagaimana forum-forum atas talian, berita alternatif dan media sosial digunakan sebagai ‘senjata’ untuk menolak rejim tersebut dan mempertingkatkan pengawasan ke atas orang awam secara senyap di Internet.

Perkembangan ini mencapai hadnya sekitar Julai 2020 setelah berlakunya pandemik COVID-19 serta keputusan pilihan raya yang dijalankan oleh kerajaan junta pada tahun 2019 dianggap sebagai tidak telus dan korup. Ia telah membawa kepada salah satu tunjuk perasaan massa terhebat di dalam sejarah politik Thailand. Bahagian seterusnya akan melihat bagaiman aktivisme siber mempenagruhi mobilisasi ini dan peranan globalisasi dalam mempopularkan dan menaikkan suara rakyat Thailand.

#### **4.0 GLOBALISASI & AKTIVISME SIBER: RUANG DEMOKRATIK ALTERNATIF RAKYAT THAILAND PASCA-KUDETA 2014**

Kerajaan ‘demokratik’ yang dipimpin oleh Perdana Menteri Prayuth Chan-ocha mendapat tentangan terhebat pada pertengahan tahun 2020 apabila golongan mahasiswa, pelajar sekolah dan intelektual Thailand di banyak bandar memulakan tunjuk perasaan massa dengan membawa tiga agenda yang dianggap penting sebagai bukti pendemokrasian Thailand. Ia juga merupakan usaha untuk mengembalikan demokrasi Thailand yang sudah dikompromi oleh pihak tentera melalui kudeta 2014 itu. Bahagian ini akan melihat kepada bagaimana globalisasi memainkan peranan untuk menaikkan lagi suara rakyat Thailand menuntut pilihan raya yang bersih dan adil melalui *hashtag activism* (aktivisme tanda pagar) dan *cyber activism* (aktivisme siber) yang berjaya mendapatkan perhatian dunia. Elemen globalisasi ini turut

meletakkan perhatian dunia kepada Thailand untuk melihat sama ada akan berlaku proses pendemokrasian yang dituntut oleh penunjuk perasaan.

Kerajaan semasa pimpinan Prayuth Chan-Ocha itu terbentuk secara ‘demokratik’ selepas sebuah pilihan raya dijalankan pada Mei 2019 apabila tekanan semakin meningkat untuk diadakan satu pilihan raya umum yang adil setelah kudeta 2014. Pilihan raya tersebut dilihat sebagai satu usaha untuk memberi semula kuasa kepada rakyat dan menggerakkan proses pendemokrasian serta untuk mengiktiraf keabsahan rejim Prayuth. Namun, keputusan pilihan raya tersebut tidak menghasilkan kerajaan dengan majoriti mudah untuk memerintah sendiri dan memaksa wujudnya sebuah kerajaan campuran. Keputusan pilihan raya tersebut telah menjadi topik pertikaian beberapa parti pembangkang pro-demokrasi yang memenangi banyak kerusi tetapi hanya kurang 10 kerusi untuk menjadi kerajaan sendiri. Prayuth dituduh mempunyai ‘tangan’ dalam menggagalkan pilihan raya tersebut kerana apabila tiadanya sebuah kerajaan majoriti, maka Perdana Menteri akan dipilih dengan undi Dewan Perwakilan Rakyat dan Senat - kesemua ahli Senat telah dipilih oleh Prayuth sebelum Pilihan Raya Umum Thailand 2019. Sebuah parti pro-junta pula mendapat undi kedua terbanyak dan undi mereka cukup untuk mengekalkan Prayuth sebagai Perdana Menteri Thailand (Muktita & Ramzy 2019).

Berlatar belakang status quo inilah perbincangan akan dijalankan mengenai bagaimana mobilisasi aktivisme atas talian dan kemudahan untuk berhubung dengan dunia luar telah mempengaruhi dan membakar semangat protes pro-demokrasi Thailand 2020. Kajian kes ini akan melihat kepada peranan budaya pop global ke atas gerakan anti-junta awal pada 2014 dan bagaimana simbol itu kekal dibawa semasa protes pro-demokrasi 2020. Seterusnya, kajian kes akan melihat pula kepada tiga tuntutan penunjuk perasaan dan bagaimana tuntutan tersebut disebarluaskan ke seluruh dunia demi mendapatkan solidariti masyarakat global untuk meletakkan tekanan ke atas Thailand agar menerima tuntutan tersebut. Akhirnya, penulis akan membuat hujahan bagaimana globalisasi menjadi indikator penting yang positif dalam usaha proses pendemokrasian dan tuntutan perjalanan politik yang bersih, adil dan telus.

Elemen globalisasi dalam gerakan pro-demokrasi yang menolak junta tentera dapat dilihat seawal tahun 2014, iaitu tahun kudeta menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat yang diketuai oleh Yingluck Shinawatra. Tahun 2014 melihat populariti filem Amerika, *The Hunger Games* di negara-negara Asia, termasuk Thailand. Filem tersebut yang diadaptasi dari karya Suzanne Collins telah mewujudkan sebuah negara fiksyen yang diperintah kerajaan tirani yang menghadkan kebebasan bersuara, menggunakan propaganda dan melakukan keganasan ke atas rakyatnya sendiri. Karya tersebut menggambarkan cara karakter utamanya, Katniss, mengangkat salut tiga jari sebagai simbol solidariti komrad yang terbunuh dalam permainan ganas *The Hunger Games*. Hui (2020) menyatakan bahawa walaupun Katniss merupakan watak fiksyen dan simbol tiga jari itu hasil imaginasi penulisnya, Collins, landskap politik Panem itu seakan-akan dapat dirasai oleh anak muda Thailand. Oleh itu, simbol tersebut telah diambil sebagai tanda *political resistance* atau penentangan politik ke atas rejim Prayuth Chan-ocha.

Bukti terawal mobilisasi menggunakan sebuah simbol asing yang berjaya mendapat perhatian rakyat Thailand kerana globalisasi dan hubungan tanpa sempadan dunia adalah apabila sekumpulan pelajar memberikan 160 tiket percuma untuk menonton filem *The Hunger Games* di Siam Paragon dan mengadakan protes di dalam pawagam dengan berdiri mengangkat tiga jari pada penghujung siaran filem tersebut (Hui 2020). Tindakan mempolitikkan simbol tiga jari tersebut oleh kerajaan junta telah membawa kepada pengharaman simbol tersebut kerana dianggap bersifat anti-kerajaan. Namun, seperti yang dinyatakan Hui (2020) yang mengkaji impak globalisasi melalui budaya pop massa, apabila simbol tersebut dianggap sebagai tanda penentangan, maka secara tidak langsung, kerajaan telah memperakui bahawa rakyat mempunyai kebebasan namun kebebasan tersebut dihadkan oleh kerajaan sendiri.

Satu lagi perspektif yang boleh difikirkan, menurut penulis, adalah apabila sesuatu simbol, tokoh, ideologi atau gerakan dipolitikkan atau dinamakan sebagai bersifat menentang status quo, ia juga boleh menjadi penguat kepada kepentingan perkara tersebut. Apabila ia diterima bahawa tindakan ini adalah bukti aktivisme mempunyai impak, ia akan kekal sebagai sebahagian daripada aktivisme tersebut demi mencapai matlamat akhir gerakan tersebut. Pendapat ini juga adalah pendapat yang disampaikan oleh Hui (2020) secara amnya di dalam artikel yang sama.

Oleh itu, penggunaan lambang tiga jari diadaptasi sebagai sebahagian daripada penentangan rakyat Thailand ke atas kerajaan junta. Apabila kita melihat kepada protes pro-demokrasi yang bermula pada awal 2020 dan masih kekal sehingga kini, boleh dilihat bagaimana globalisasi menjadi indikator penting, bukan sahaja dari aspek kemudahan perkongsian realiti politik di Thailand kepada masyarakat global, tetapi solidariti yang dapat dibina dan sokongan bagi tuntutan proses pendemokrasian melalui pilihan raya. Ia juga seakan-akan menjadikan dunia sebagai ‘pengawal’ yang akan melihat tindakan kerajaan Thailand ke atas para penunjuk perasaan.

Protes pro-demokrasi 2020 di Thailand itu secara amnya dimobilisasi kerana adanya media sosial seperti Facebook dan Twitter yang menjadi agen yang signifikan dalam menyebarkan dakyah pro-demokrasi dan melahirkan beberapa pemimpin gerakan yang kemudiannya menetapkan tiga tuntutan kepada Prayuth Chan-ocha. Laungaramsri (2016) dalam satu kajian artikel menyatakan pasca-kudeta 2014 menyatakan bahawa ruang siber adalah satu-satunya ruang demokratik yang ada bagi rakyat Thailand dan oleh itu sering digunakan untuk aktivisme atas talian bagi gerakan pro-demokrasi. Oleh kerana itu, kerajaan junta telah mengetatkan lagi kawalan ke atas ruang-ruang siber dengan mengawasi akaun-akaun media sosial golongan akademik, wartawan dan figura-figura pro-demokrasi. Junta menggunakan sama ada undang-undang *lese-majeste*, undang-undang keselamatan nasional dan pelanggaran kod *National Council for Peace and Order* (NCPO) sebagai justifikasi penahanan politik ke atas pengkritik junta.

Hal ini adalah kerana bagi kesemua undang-undang ini, perbicaraan dijalankan di Mahkamah Tentera dan bukan mahkamah awam lain. Laungaramsri juga menyatakan bahawa sebuah projek khas kerajaan junta, *Great Firewall of Thailand* merupakan salah satu usaha kerajaan autokratik itu untuk mengawal konten yang berada di ruang siber Thailand dengan mengawasi apa-apa yang dianggap bersifat anti-kerajaan, anti-monarki atau tuntutan proses pendemokrasian dan mencari cara untuk menghalang bahan seperti itu memasuki ruang lingkup siber negara itu. Oleh itu, adalah sangat menarik menurut penulis untuk dilihat bagaimana sebuah gerakan protes terbesar boleh dimobilisasikan secara atas talian walaupun wujud ancaman dari kerajaan ke atas para aktivis demokrasi dan penunjuk perasaan.

Kuasa tanda pagar dan dunia tanpa sempadan telah menggerakkan protes ini daripada mobilisasi ruang siber ke protes jalanan sehingga hampir 100,000 orang hadir di Monumen Demokrasi menuntut momentum proses pendemokrasian yang terberhenti pada 2014 dipulangkan semula. Namun, adalah juga perlu untuk menganalisis realiti bahawa kerana internet adalah satu-satunya ruang demokratik yang masih bebas, dalam tahun-tahun sejak kudeta 2014 ramai juga yang ditahan dan dibicarakan dengan undang-undang yang dinyatakan di atas. Laporan Adam Maida dari Human Rights Watch pada 2019 menunjukkan Thailand telah menjalankan lebih 900 sesi “pendidikan semula” kepada mereka yang ditahan dan disoal kerana menulis komen atau status yang tidak berpihak kepada kerajaan, malah bagi mereka yang memberikan *like* atau mengkongsikan bahan tersebut. Penggunaan undang-undang hasutan juga meningkat sejak kudeta 2014 dan ruang siber menjadi antara sasaran kerajaan junta Thailand.

Protes pro-demokrasi di Thailand bermula dengan sebuah kumpulan Facebook, *Free Youth Movement* yang dibuka oleh dua orang pelajar, Ford Tattep Ruangprapaikitsee dan James Panumas Singprom yang menjadi tular tanpa disangkakan (Chomchuen 2020). Asalnya, kumpulan Facebook tersebut dibuat untuk tujuan memberi ahlinya ruang demokratik bebas untuk berkongsi idea dan membincangkan isu politik, namun populariti kumpulan tersebut telah membawa kepada sebuah gerakan mahasiswa, pelajar sekolah dan anak muda yang inginkan perubahan sistemik bagi ekosistem politik dan institusi monarki Thailand (Sinpeng 2021: 193).

Menjelang Julai 2020, Sinpeng (2021: 193) menyatakan bahawa *Free Youth Movement* telah mempunyai kuasa yang cukup untuk memobilisasikan protes besar-besaran di jalanan dengan sokongan barisan-barisan demokratik lain seperti *United Thammasat Democratic Front* dan telah meletakkan tiga tuntutan utama mereka kepada kerajaan junta:

1. Peletakan jawatan Perdana Menteri Prayuth Chan-ocha dan pilihan raya baru yang adil diadakan;
2. penderafan semula Perlembagaan Thailand yang demokratik dan menjamin hak-hak rakyat;

3. Reformasi institusi monarki agar bersesuaian dengan keperluan Thailand moden dan mempunyai akauntabiliti.

Sombatpoonsiri (2021: 5) dan Tunatiruj (2020) menyatakan tindakan para penunjuk perasaan memobilisasikan tanda pagar *What's Happening In Thailand* telah berjaya membawa isu tersebut ke peringkat antarabangsa dengan perkongsian bukan sahaja aktiviti semasa para aktivis tetapi juga perkongsian infografik dalam lebih 20 bahasa untuk memudahkan pemahaman masyarakat luar bahawa isu politik Thailand adalah serius dan negara itu bukan sekadar pusat percutian yang indah. Sombatpoonsiri (2021) turut memberikan satu komentari yang kritikal bahawa letusan protes pro-demokrasi di Thailand itu juga merupakan satu cerminan rantau Asia Tenggara sendiri yang dipenuhi dengan kerajaan-kerajaan demokratik yang mempunyai kekurangan (*flawed democracies*) dan berjaya meraih solidariti dalam kalangan rakyat ASEAN kerana wujudnya persamaan antara rejim masing-masing.

Aktivisme siber Thailand tidak hanya tamat dengan dua tanda pagar signifikan itu. Semestinya benar dua tanda pagar tersebut berjaya membawa perhatian dunia ke arah Thailand dan mobilisasi massa yang begitu hebat dalam masyarakat. Tuntutan hak demokratik yang diminta oleh rakyat Thailand dan pengadaptasian simbol tiga jari dari sebuah filem fiksyen distopia telah menjadi inspirasi dan lambang universal di negara-negara lain seperti Myanmar yang juga sedang bergelut dengan kerajaan juntanya sendiri. Namun, gerakan pro-demokrasi Thailand ini juga telah menjadi pencetus kepada sebuah solidariti transnasional yang bermula dengan tanda pagar di laman sosial Twitter.

Dikenali sebagai *Milk Tea Alliance* atau Perikatan Teh Susu, gerakan pro-demokrasi Thailand itu telah mendapat sokongan penunjuk perasaan yang juga menuntut proses pendemokrasian dan pilihan raya yang mencerminkan keinginan rakyat di negara masing-masing, iaitu Taiwan, Hong Kong dan Myanmar. Perikatan pan-Asia ini menggabungkan penunjuk perasaan dan aktivis pro-demokrasi yang berjuang untuk mewujudkan semula demokrasi di ruang politik masing-masing atau menolak rejim autoritarian yang mengancam kebebasan mereka. Barron (2020) melaporkan bahawa globalisasi merupakan satu indikator penting yang telah menghubungkan aktivis-aktivis ini melalui media sosial, namun yang lebih penting

ialah tekanan mereka agar tuntutan mereka didengari - seperti mengadakan pilihan raya yang tidak ada campur tangan pihak tentera di Thailand - kini mempunyai sokongan di rantau sendiri. Ia seakan-akan satu bukti bahawa tuntutan pendemokrasian ribuan rakyat biasa kini dikongsi masyarakat global.

Sekiranya globalisasi sebagai indikator proses pendemokrasian terhadap politik pilihanraya diambil dalam konteks gerakan pro-demokrasi Thailand ini, penulis merasakan ia adalah satu isu yang sangat menarik untuk dianalisis. Pertama sekali, dalam era moden di mana kehebatan teknologi maklumat mampu menghubungkan manusia dari seluruh dunia, indikator globalisasi harus diperluaskan definisinya bukan sahaja dari segi globalisasi ekonomi politik atau insiden di luar negara menjadi inspirasi kepada proses pendemokrasian di sesebuah negara. Sebaliknya, globalisasi pada era ini ialah apabila gerakan organik yang bermula di sesebuah negara boleh membawa perjuangan mereka ke pentas global sebagai senjata menekan kerajaan semasa untuk mengikut rentak tuntutan mereka. Solidariti global yang diraih oleh aktivis pro-demokrasi Thailand menggunakan aktivisme siber dan aktivisme pagar berjaya bukan sahaja dalam menggerakkan rakyat Thailand untuk turun ke jalanan, tetapi juga mencuri perhatian dunia.

Kedua, indikator globalisasi dalam konteks proses pendemokrasian terhadap politik pilihan raya dalam kes Thailand juga boleh dikatakan berlaku sebagai salah satu reaksi rakyat kepada keputusan pilihan raya 2019 yang dianggap *rigged* (dicabul) oleh kerajaan junta. Tindakan menidakkan kuasa rakyat dan tindakan agresif ke atas parti-parti pro-demokrasi pasca-pilihan raya tersebut, seperti pengharaman *Future Forward Party* kerana kes sivil melibatkan kewangan parti tersebut, membuatkan rakyat berasa disisihkan. Laporan oleh Amy Gunia di Time (2020) menyingkap sejarah bahawa sebelum kes ini, parti tersebut telah cuba dijatuhkan dengan hampir 25 perbicaraan bagi pelbagai kesalahan, termasuk kononnya cubaan menggulingkan monarki. Jelas di sini bahawa di bawah kerajaan junta, politik di Thailand tidak telus, tidak sihat dan *character assassination* seringkali digunakan sebagai cara untuk mengurangkan kredibiliti pembangkang dan parti pembangkang untuk masa beberapa tahun akan datang. Tindakan memomokkan keinginan untuk demokrasi dan pilihan raya adil sebagai ancaman kepada identiti Thai adalah retorik yang sering digunakan junta tentera. Hal ini telah mendorong keinginan untuk adanya satu gerakan keadilan

sosial yang boleh membawa isu ini ke peringkat global dan mendapatkan solidariti masyarakat antarabangsa.

Ketiga, globalisasi dalam konteks proses pendemokrasian Thailand juga boleh dilihat dari lensa bagaimana budaya pop diserap menjadi simbol gerakan pro-demokrasi. Walaupun berasal dari karya fiksyen, simbol itu kini dikaitkan dengan gerakan pro-demokrasi Thailand yang menggunakan bukan hanya sebagai simbol penentangan, tetapi juga untuk menghasilkan tiga tuntutan yang memberi makna lebih mendalam kepada simbol salut tiga jari tersebut. Fenomena ini sudah tentulah tidak sepenuhnya unik, kerana pengadaptasian elemen fiksyen distopia dalam gerakan keadilan sosial bukanlah perkara baharu. Namun, simbol salut tiga jari tersebut digunakan oleh aktivis pro-demokrasi Thailand sejak awal penentangan dan merupakan simbol yang difahami semua yang berjuang di atas isu yang sama, sekaligus kaitannya dengan gerakan di Thailand secara eksklusif. Penggunaan salut tersebut juga bagaikan mewujudkan *parallel* antara Thailand dan negara fiksyen Panem, sekaligus memudahkan pemahaman mengenai tahap penindasan dan penolakan hak politik yang rakyat Thailand rasakan di bawah kerajaan junta.

Oleh itu, proses pendemokrasian terhadap politik di Thailand adalah satu situasi yang unik kerana globalisasi telah memudahkan gerakan keadilan sosial yang menuntut pilihan raya dan pendemokrasian mendapatkan sokongan. Ia tidak bersifat *reactionary* terhadap pengaruh luar tetapi bersifat proaktif dan didorong keinginan untuk diberikan semula kepada rakyat satu hak demokratik yang paling penting - hak untuk mengundi kerajaan yang mereka ingin tanpa adanya tipu daya. Rakyat Thailand menggunakan akses ke dunia luar melalui Internet dan laman media sosial untuk mengutarakan isu negara mereka dan membina solidariti. Walaupun hasil daripada protes ini masih lagi belum dapat dipastikan dan kerajaan Prayuth Chan-ocha masih belum menunaikan mana-mana tuntutan mereka, globalisasi dalam proses pendemokrasian ini memberi satu peringatan penting kepada junta tentera: dunia kini melihat apakah Thailand akan bergerak semula ke arah demokrasi yang sepatutnya dan mengadakan pilihan raya yang telus dalam masa terdekat.

## 5.0 KESIMPULAN

Sememangnya berlaku peningkatan aktivisme siber dalam gerakan pro-demokrasi di Thailand, dan perkembangan ini boleh dilihat sebagai sesuatu yang positif. Perubahan landskap politik pada peringkat akar umbi sangat kritikal dalam membina *political will* atau keinginan politik dalam masyarakat untuk menolak elemen-elemen yang tidak demokratik dalam usaha membina demokrasi yang sempurna dan bertahan. Walau bagaimanapun, perkembangan pemikiran politik yang matang dan masyarakat sivil yang lebih proaktif sahaja tidak mencukupi untuk mengubah masa depan politik Thailand. Persoalan yang lebih kritikal adalah ‘*where do we go from here*’ kerana populariti gerakan yang menolak rejim Prayuth memaparkan keinginan rakyat untuk politik yang adil, telus dan bersih. Namun, bagaimana pula dengan institusi-institusi seperti institusi monarki dan institusi ketenteraan yang sering menjadi penghalang kepada proses pendemokrasian dan juga merupakan pemegang taruh yang penting dalam politik Thailand.

Penulis merasakan bahawa globalisasi mampu terus membawa suara dan tuntutan rakyat Thailand ke pengetahuan awam dan perkara ini boleh menjadi salah satu alat atau cara untuk menekan kerajaan junta memberi peluang kepada masyarakat sivil untuk mengambil semula ruang-ruang demokratik mereka. Tekanan sebuah gerakan massa yang popular harapnya mampu membawa pihak kerajaan semasa ke arah mewujudkan semula praktis politik yang sihat dan matang di Thailand yang semakin terhakis sejak kejatuhan Thaksin Shinawatra pada tahun 2006. Perubahan radikal institusi dan tradisi konservativisme yang sudah lama mengakar di dalam politik Thailand perlu mengiringi aktivisme pro-demokrasi ini di masa hadapan untuk mengubah masa depan politik Thailand.

## RUJUKAN

- Anon. 2017. *Maksud Globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. ([Carian Umum \(dbp.gov.my\)](#)) [28 Mei 2021].
- Baker, Chris. 2016. The 2014 Thai Coup and Some Roots of Authoritarianism. *Journal of Contemporary Asia*. 46 (3): 388-404. London. Taylor & Francis Group.
- Barber, Benjamin R. 2000. Can Democracy Survive Globalization?. *Governmental and Opposition*. 35 (3): 275-301. Cambridge. Cambridge University Press.
- Barron, Laignee. 2020. ‘We Share the Ideals of Democracy’: How the Milk Tea Alliance is Brewing Solidarity Among Activists in Asia and Beyond. Time. ([What Is the Milk Tea Alliance? Behind the Democracy Movement | Time](#)) [31 Mei 2021].
- BBC News. 2014. Thailand Military Seizes Power in Coup. BBC News. ([Thailand military seizes power in coup - BBC News](#)) [6 Julai 2021].
- Cerny, Philip G. 1999. Globalization and the Erosion of Democracy. *European Journal of Political Research*. 36 (1): 1-26. Oxford. Blackwell Publishing.
- Chachavalpongpun, Pavin. 2011. Thaksin, The Military and Thailand's Protracted Political Crisis. Dlm Marcus Mietzner (pnyt.). *The Political Resurgence of the Military in Southeast Asia: Conflict and Leadership*, hlmn. 45-62. New York. Routledge Publishing,
- Chambers, Paul & Waitoolkiat, Napisa. 2016. The Resilience of Monarchised Military in Thailand. *Journal of Contemporary Asia*. 46 (3): 425-444. London. Taylor & Francis Group.
- Chomchuen, Warangkana. 2020. Thai Protest Leader: ‘Our Demands Are Supremely Clear’. VOA News. ([Thai Protest Leader: 'Our Demands Are Supremely Clear' | Voice of America - English \(voanews.com\)](#)) [31 Mei 2021].
- Gunia, Amy. 2020. A Thai Opposition Party That Pushed For Democratic Reform Has Just Been Disbanded. Time. ([Thailand's Opposition Future Forward Party Disbanded | Time](#)) [31 Mei 2021].
- Haberkorn, Tyrell. 2015. Repression, Resistance and the Law in Post-Coup Thailand. *Current History*. 114 (773): 241-243. California. University of California Press.
- Human Rights Watch. 2014. *Thailand: Two Months Under Military Rule*. Human Rights Watch. ([Thailand: Two Months Under Military Rule | Human Rights Watch \(hrw.org\)](#)) [6 Julai 2021].
- Hui, Anna. 2020. Appropriating Dissent: The Three-Finger Salute and Thailand’s Pro-Democracy Movement. *Anthropological Notebooks*. 26 (1): 74-91. Slovenia. Slovenian Anthropological Society.
- Kriesi, Hanspeter et al. 2006. Globalization and the Transformation of the National Political Space: Six European Countries Compared. *European Journal of Political Research*. 45 (6): 921-956. Oxford. Blackwell Publishing.
- Laungaramsri, Pinkaew. 2016. Mass Surveillance and the Militarization of Cyberspace in Post-Coup Thailand. *Austrian Journal of Southeast Asian Studies*. 9 (2): 195-214. Austria. Society for Southeast Asian Studies.
- Maida, Adam. 2019. *Criminalization of Peaceful Expression in Thailand*. Human Rights Watch. ([Criminalization of Peaceful Expression in Thailand | HRW](#)) [31 Mei 2021].
- McCargo, Duncan. 2005. Network Monarchy and Legitimacy Crises in Thailand. *The Pacific Review*. 18 (4): 499-519. London. Taylor & Francis Group.
- Muktita Suhartono & Ramzy, Austin. 2019. Thailand Election Results Signal Military’s Continued Grip On Power. The New York Times. ([Thailand Election Results Signal Military's Continued Grip on Power - The New York Times \(nytimes.com\)](#)) [31 Mei 2021].
- Setboonsarng, Chayut. 2020. Timeline: Thailand’s Turbulent Politics Since 2014 Military Coup. Reuters. ([Timeline: Thailand's turbulent politics since 2014 military coup | Reuters](#)) [6 Julai 2021].
- Shoichet, Catherine E. 2014. *Thailand Coup: A Cheat Sheet To Get You Up To Speed*. CNN. ([Thailand coup: A cheat sheet to get you up to speed - CNN](#)) [6 Julai 2021].
- Sinpeng, Aim. 2021. Hashtag Activism: Social Media and the #FreeYouth Protests in Thailand. *Critical Asian Studies*. 53 (2): 192-205. London. Taylor and Francis Group.
- Sombatpoonsiri, Janjira. 2021. *From Repression to Revolt: Thailand’s 2020 Protests and the Regional Implications*. Kertas Kerja GIGA Focus Asia. Anjuran German Institute for Global and Area Studies (GIGA). Hamburg, Februari 2021.

- Sripokangkul, Siwach. 2015. “Forgetting,” “Returning to Ironic Happiness,” and “Threatening and Hunting”: Reconciliation Process of 2014 Post-Coup Government in Thailand. *Asian Social Science*. 11 (15): 302-312. Kanada. Canadian Center of Science and Education.
- Tunatiruj, Choltanutkun. 2020. *Anonymous: Tell the World What's Happening in Thailand*. ThisRupt.Com. ([Anonymous: tell the world what's happening in Thailand - Thisrupt](#)) [31 Mei 2021].